

## SOALAN LAZIM

### MANDAFTARKAN AKAUN PENGGUNA EZBIZ DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana cara untuk membuat permohonan pendaftaran perniagaan dengan SSM semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?	<p>Bagi permohonan pendaftaran perniagaan, pemilik dan rakan kongsi digalakkan menggunakan perkhidmatan secara atas talian melalui Ezbiz Online <a href="http://ezbiz.ssm.com.my">ezbiz.ssm.com.my</a>.</p> <p>Sebelum menggunakan perkhidmatan Ezbiz Online, pemilik dan rakan kongsi perlu mendaftarkan Akaun Pengguna (Sign Up) dan mengaktifkan Akaun Pengguna dengan hadir ke pejabat SSM terdekat bagi tujuan keselamatan pengguna perkhidmatan Ezbiz Online.</p> <p>Pemilik &amp; rakan kongsi yang beralamat di negeri di bawah PKPB dan PKPP, sila hadir sendiri ke pejabat SSM terdekat dengan membawa MyKad/MyPR.</p>
2.	Saya berada di negeri yang diumumkan terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pejabat SSM tidak beroperasi, bagaimanakah cara untuk saya mengaktifkan akaun pengguna Ezbiz Online?	<p>Pastikan akaun pengguna telah didaftarkan 'Sign Up'. Seterusnya, sila 'Sign In' Portal Ezbiz dan bersedia untuk melampirkan dokumen-dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Salinan Kad Pengenalan depan dan belakang di ruangan <i>upload mykad/MyPR</i>;</li> <li>ii) Gambar yang jelas dengan pemohon memegang kad pengenalan di paras leher di ruangan <i>upload selfie</i>; dan</li> </ul> <p>Contoh gambar:</p> 

		<p>iii) Kemukakan salah satu dokumen rasmi seperti lesen memandu/ Passport/ Sijil lahir/ bil. utiliti atau lain-lain dokumen rasmi atas nama sendiri di ruangan <i>supporting document</i>.</p> <p>Sila rujuk <a href="#"><u>Tatacara Mendaftarkan Akaun Pengguna melalui Portal Ezbiz</u></a>.</p> <p><b>Nota :</b> Tatacara ini hanya terpakai ketika tempoh PKP atau sehingga satu tarikh yang diputuskan oleh pihak SSM.</p>
3.	Saya pernah berdaftar sebagai pengguna portal Ezbiz Online namun telah terlupa berkaitan kata laluan ( <i>password</i> ) saya. Bagaimana saya boleh mendapatkan <i>password</i> yang baharu?	Sila klik <i>forgot password</i> untuk mendapatkan <i>password</i> yang baru dan sekiranya masih menghadapi masalah boleh majukan e-mel (menggunakan emel yang didaftar di Ezbiz Online) kepada <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> untuk sebarang bantuan.
4.	Saya berada di negeri yang diumumkan terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pejabat SSM tidak beroperasi, bagaimana cara untuk saya menukar alamat e-mel yang telah didaftarkan di portal Ezbiz Online?	Sila e-melkan permohonan dengan menggunakan e-mel terkini/aktif bersama dokumen-dokumen seperti di perkara 2 ke <a href="mailto:enquiryrob@ssm.com.my">enquiryrob@ssm.com.my</a> .
5.	Berapakah tempoh masa yang diperlukan bagi memproses permohonan pengaktifan akaun pengguna Ezbiz melalui Portal Ezbiz?	Permohonan pengaktifan akaun pengguna melalui portal Ezbiz akan diproses dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
6.	Bolehkah saya berkongsi ID dan kata laluan ( <i>password</i> ) Akaun Ezbiz dengan pihak lain?	Tidak boleh. Menjadi tanggungjawab pemilik dan rakan kongsi untuk melindungi maklumat ID dan kata laluan ( <i>Password</i> ) Akaun Ezbiz masing-masing agar ia tidak disalahgunakan oleh pihak lain.